



22 Mac 2022
22 March 2022
P.U. (A) 71

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH PROFESION UNDANG-UNDANG (PROSIDING TATATERTIB) (PINDAAN) 2022

LEGAL PROFESSION (DISCIPLINARY PROCEEDINGS) (AMENDMENT) RULES 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976

KAEDAH-KAEDAH PROFESION UNDANG-UNDANG
(PROSIDING TATATERTIB) (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 103F Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*], Lembaga Tatatertib membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Prosiding Tatatertib) (Pindaan) 2022**.

Pindaan kaedah 13

2. Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Prosiding Tatatertib) 2017 [*P.U. (A) 197/2017*] dipinda dengan menggantikan kaedah 13 dengan kaedah yang berikut:

“Masa dan tempat pendengaran Jawatankuasa Tatatertib

13. (1) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah menjalankan prosidingnya pada tarikh, masa dan di tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib.

(2) Apa-apa prosiding yang diadakan menurut subkaedah (1) boleh diadakan melalui suatu rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain.

(3) Bagi tujuan kaedah ini, rujukan kepada “tempat” adalah termasuk ruang siber, tempat maya atau ruang maya.”.